

21 APR 2002

Mustapa-Wartawan

MALAYSIA TERUS UNDANG WARTAWAN ASING

KANGAR, 21 April (Bernama) -- Malaysia akan terus mengundang wartawan-wartawan asing agar mereka dapat memberi gambaran tepat mengenai negara ini serta mempengaruhi kemasukan pelaburan asing, kata Pengarah Eksekutif, Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), Datuk Mustapa Mohamed.

Bercakap kepada pemberita selepas merasmikan persidangan perwakilan Umno bahagian Padang Besar hari ini, beliau berkata kesan daripada kehadiran wartawan asing itu, Malaysia telah menerima pujian kerana kebolehan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mentadbir negara dan memulihkan ekonomi.

Sebagai contoh, Mustapa berkata, baru-baru ini seorang wartawan terkemuka Australia telah memuji pencapaian Malaysia dengan memberi kredit sepenuhnya kepada Dr Mahathir kerana kepimpinan luar biasanya.

Beliau berkata media asing akan memuji pencapaian Malaysia apabila mereka melihat sendiri kemakmuran negara ini.

Mustapa juga berkata kerajaan sedang berusaha untuk menyediakan peluang pekerjaan kepada golongan siswazah kerana pada masa ini terdapat 28,000 orang daripada mereka yang menganggur.

"Angka itu akan bertambah besar apabila 60,000 lagi mahasiswa menamatkan pengajian tahun ini," katanya.

Mustapa berkata masalah pengangguran di kalangan siswazah tidak sepatutnya berlaku jika mereka cemerlang dalam akademik, berkemahiran dalam bidang tertentu serta menguasai bahasa asing.

Menurutnya, ada siswazah yang gagal menguasai bahasa Inggeris sedangkan bahasa itu penting dalam pasaran kerja dan ia merupakan antara faktor mereka menganggur.

Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Azmi Khalid yang juga Ketua Umno Bahagian Padang Besar ketika berucap berkata, kerajaan akan meningkatkan prasarana rakyat sebaik mungkin.

Antara yang akan dilaksanakan tidak lama lagi ialah projek pemasangan lampu jalan di kampung-kampung, katanya.

-- BERNAMA

AD MAI